



Kategori **Anugerah** Akademik Universiti (AAU)



Urusetia Anugerah Akademik Universiti (AAU)





ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN (KRITERIA, SYARAT & PERATURAN)

ASAS ANUGERAH

1. Anugerah Ahli Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber.
2. Penerima Anugerah Ahli Akademik Harapan ialah seorang ahli akademik yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penjana hasil dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan komuniti ke arah meningkatkan kualiti kehidupan.
3. Pemenang Anugerah hanya boleh menerima anugerah ini **sekali** sahaja.

KRITERIA PEMOHON

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang:

1. Berumur **di bawah 40 tahun pada 1 Januari tahun penilaian.**
2. Berkhidmat sebagai pensyarah tetap di UniSZA sekurang-kurangnya **3 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik.
3. Menerajui secara holistik dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik.
4. Telah menyumbang kepakaran dalam bidang akademik/profesional **di peringkat kebangsaan atau antarabangsa** dalam jangka waktu **3 tahun terakhir (termasuk tahun yang dinilai).**
5. Telah menerima anugerah atau pengiktirafan akademik **daripada badan profesional dan ilmiah** di peringkat kebangsaan*.
6. Membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada komuniti melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

7. Setiap permohonan hendaklah mengisi biodata diri (*curriculum vitae*) yang disediakan.

8. Setiap fakulti hanya boleh mencalonkan seorang calon sahaja.

* Anugerah / pengiktirafan akademik yang diakui secara rasmi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

NILAI ANUGERAH

Nilai anugerah adalah **RM3,000** dan sijil penghargaan dari Universiti Sultan Zainal Abidin.



ANUGERAH TOKOH AKADEMIK (KRITERIA, SYARAT & PERATURAN)

ASAS ANUGERAH

1. Penerima Anugerah Tokoh Akademik merupakan seorang pensyarah yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat.
2. Pemohon yang pernah memenangi anugerah ini layak memohon semula **selepas tempoh lima (5) tahun**.

SYARAT ANUGERAH

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah:

1. Menerajui secara holistik dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik.
2. Berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan selama **15 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik termasuk sekurang-kurangnya 3 tahun perkhidmatan di UniSZA.
3. Telah menerima **pengiktirafan ketokohan** daripada badan profesional dan ilmiah yang berprestij pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa*.
4. Telah mendapat anugerah atau pengiktirafan daripada badan profesional dan ilmiah bagi sumbangannya dalam jangka waktu **10 tahun** terakhir (termasuk tahun yang dinilai).

5. Membawa **impak secara langsung atau tidak langsung** kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.
6. Menunjukkan **keimpinan dan kecemerlangan secara berterusan** dalam bidang akademik yang diterajui.
7. Setiap fakulti hanya boleh mencalonkan seorang calon sahaja.

*Anugerah / pengiktirafan akademik yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH

Dalam proses penilaian untuk penganugerahan, semua sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat (*lifelong achievement*) akan diambil kira.

NILAI ANUGERAH

Nilai anugerah adalah **RM5,000** dan sijil penghargaan dari Universiti Sultan Zainal Abidin.